

Jalan Petaling digempur KPDN kali keempat

Pegawai penguat kuasa KPDN melakukan pemeriksaan dalam serbuan di Jalan Petaling, Selasa lalu.
(Foto ihsan KPDN)

Dua wanita tempatan ditahan, rampas 6,250 unit barang tiruan

Oleh **Nor Azizah Mokhtar**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jalan Petaling di sini, yang menjadi antara lokasi panas penjualan barangan tiruan diserbu buat kali keempat oleh pihak berkuasa menerusi Op Putra 4.0, Selasa lalu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kuala Lum-

pur, Ariffin Samsudin, berkata operasi itu dijalankan hasil risikan dijalankan selama dua minggu.

Beliau berkata, menerusi serbuan di 12 premis stor berkenaan, KPDN menyita 6,250 unit barangan yang dipercayai tiruan terdiri daripada beg, dompet dan beg tangan serta jam tangan berjenama disyaki dipakaikan cap dagangan secara salah di bawah Akta Cap Dagangan 2019 dengan nilai sitaan dianggarkan RM300,000.

Katanya, serbuan menerusi Ops Putra 4.0 dilaksana KPDN Putrajaya bersama KPDN Kuala Lumpur dan Selangor dan turut disertai Jabatan Imigresen Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur serta wakil cap dagangan.

"Dua wanita tempatan yang

mengaku sebagai pemilik stor berkenaan turut ditahan. Serbuan ini kali keempat dilakukan di lokasi sama sejak Mac 2023 susulan laporan dikeluarkan oleh United States Trade Representative (USTR) mengenai penjualan barangan tiruan yang berleluasa di Jalan Petaling," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelupusan Mega bertempat di Kompleks Sentral Segambut di sini, semalam.

Lakukan siasatan lanjut

Menurut Ariffin, hasil maklumat risikan pihaknya mendapati semua barangan ini diperoleh dari negara luar dan semua stok ini bagi tujuan penjualan kepada pelancong asing yang datang ke Jalan Petaling dan juga kepada warga tempatan bagi persediaan

menyambut Aidilfitri.

"Semua barangan yang disita ini akan dijual pada harga RM80 sehingga RM1,000 seunit.

"Maklumat yang diperoleh juga mendapati sepasang kasut tiruan berjenama dijual dengan harga RM100 sehingga RM600 dan harga kos antara RM50 sehingga RM300 bergantung kepada kualiti barangan," katanya.

Ariffin berkata, pihaknya kini sedang menjalankan siasatan lanjut ke atas semua pihak yang terbabit mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA/TFPUAA 2001).

"Statistik kita menunjukkan, bagi 2023 sehingga kini, 135 kes terhasil mengikut Akta Cap Da-

gan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987 dengan nilai rampasan berjumlah RM4 juta membabitkan sitaan barangan 100,000 unit," katanya.

Menurutnya, KPDN Kuala Lumpur akan terus mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang Harta Intelek di bawah Akta Cap Dagangan 2019, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987 secara berterusan dalam membanteras penjualan barangan tiruan.

Dalam pada itu, pihaknya juga mengalu-alukan kerjasama berte-rusan daripada wakil Pemilik Cap Dagangan yang berdaftar bagi meningkatkan lagi kerjasama berterusan untuk membanteras aktiviti pengedaran serta penjualan barangan tiruan di pasaran.